

16 MAY 1996

PBS-dakwa

PBS KATA KETUA MENTERI DARI PARTI MINORITI TAK BAIK UNTUK KESTABILAN

KOTA KINABALU, 16 Mei (Bernama) -- Pembangkang Sabah, Parti Bersatu Sabah (PBS), hari ini mendakwa perlantikan pemimpin parti minoriti sebagai Ketua Menteri akan memberi kesan kepada kestabilan politik negeri ini.

Timbalan presiden PBS, Dr Maximus Ongkili berkata adalah sukar bagi rakyat untuk menerima ketua menteri dari parti minoriti yang tidak mendapat sokongan majoriti.

"Kami bimbang pelaksanaan sistem penggiliran jawatan ketua menteri akan menyebabkan suasana politik yang tidak menentu dan keraguan yang berterusan," kata beliau apabila dihubungi.

Ongkili, Anggota Parlimen bagi kawasan Bandau dan juga anggota Dewan Negeri bagi Langkon, berkata demikian apabila ditanya mengenai keputusan Mahkamah Majistret semalam yang menjatuhkan hukuman denda RM1,000 ke atas Timbalan Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee, dan empat orang yang lain kerana kesalahan mengambil bahagian dalam satu perarakan haram lima tahun lepas.

Dengan hukuman denda itu, Yong masih kekal sebagai Anggota Dewan Negeri kawasan Likas dan memegang jawatan kabinetnya sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan, dan sekali gus membuka peluang baginya dilantik Ketua Menteri Sabah di bawah sistem itu yang dijanjikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir berkata di Tokyo semalam perlantikan Yong sebagai Ketua Menteri baru boleh dibuat sekarang kerana kelayakannya sebagai wakil yang dipilih tidak terjejas.

Ongkili berkata, keputusan Yong untuk mengaku salah dengan tuduhan yang dipinda dalam kes itu telah menimbulkan banyak tanda tanya di kalangan orang ramai. Dalam tuduhan asal Yong tidak mengaku salah.

"Nampaknya sistem penggiliran telah menguasai arah kejadian-kejadian dalam negeri ini. Dan juga adalah sukar dibayangkan bagaimana pemimpin sebuah parti yang hanya mempunyai lima wakil dalam Dewan Negeri akan menjadi Ketua Menteri baru," kata beliau. Yong ialah presiden Parti Maju Sabah.

Ongkili juga mendakwa beberapa anggota Dewan Negeri Sabah dan penyokong-penyokong mereka tidak puas hati dengan pelaksanaan sistem giliran itu.

-- BERNAMA

JS WAT AHH